




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **76 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **59,149 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Sandakan dan satu (1) kes lagi di daerah Lahad Datu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 51 menjadikan jumlah kumulatif 57,968 orang. Seramai 571 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 244 orang di hospital dan 327 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 33 orang dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah dicatatkan

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah sembilan (9) daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning 10 daerah
- Zon Hijau tujuh (7) daerah

5 Terdapat satu (1) kluster baharu direkodkan hari ini.

- i **Kluster Kongsi Lapan di Tawau** melibatkan komuniti di Kampung 8. Kes indeks merupakan wanita, 45, yang telah disahkan positif melalui saringan bergejala di Klinik Kesihatan Tawau pada 07 Mei 2021. Turut dikesan positif COVID-19 ialah sepupu yang tinggal serumah dengan kes indeks. Berdasarkan rekod pergerakan, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan ketika menghadiri solat terawih dan pengagihan moreh sepanjang bulan ramadan bermula 29 April hingga 06 Mei lalu di Masjid Baitul Farihin, Kampung 8. Daripada 56 orang yang disaring, sembilan (9) didapati positif menjadikan jumlah terkini bagi kluster ini ialah 11 kes, manakala 34 sampel lagi masih menunggu keputusan. Aktiviti pengesanan kontak rapat sedang giat dijalankan dan punca jangkitan masih disiasat.

- 6 Daripada 76 kes positif COVID-19, sebanyak 41 kes (53.9%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, sembilan (9) kes (11.9%) saringan bergejala, 22 kes (28.9%) dari kluster baharu dan sedia ada serta empat (4) kes (5.3%) dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,999 unit
- Hospital 569 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.
- Peratus penggunaan katil 14.28%.

B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **empat (4)** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,285** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin, **13** orang yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,565** orang.
- 3 Bagi Fasa 2 Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **784** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **31,795** orang.
- 4 Bagi Dos 2 vaksin Fasa 2, **1,571** orang yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **4,421** orang.
- 5 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **1,731** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **487,677** (mysejahtera 427,681 : laman web 59,750 : talian vaksinasi 246) bersamaan 16.6%.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **321,385** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 53 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 22,322 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 218 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 69 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 65 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 11 orang : Tidak memakai pelitup muka
 - 19 orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan
 - 35 orang : Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 80 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 24 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 325 lokasi melibatkan seramai 193 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 58 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu Kinabatangan, Sandakan, Kota Marudu dan Semporna.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	98%
2	Beluran	98%
3	Tenom	98%
4	Kinabatangan	98%
5	Kota Belud	98%
6	Beaufort	98%
7	Sipitang	98%
8	Penampang	98%
9	Kota Marudu	97.5%
10	Lahad Datu	97.5%
11	Tuaran	97.5%
12	Kunak	97.5%
13	Ranau	97.2%
14	Semporna	97%
15	Papar	97%
16	Keningau	97%
17	Kota Kinabalu	96.5%
18	Tawau	96%
19	Sandakan	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**
13 MEI 2021